



# IJM bina ibu pejabat baharu Affin di TRX

→ Kontrak superstruktur bernilai RM505 juta untuk bangunan 47 tingkat

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@nntp.com.my

JM Construction Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Bhd, memperoleh kontrak superstruktur bernilai RM505 juta daripada Affin Bank Bhd untuk pembinaan ibu pejabat baharunya di hab kewangan antarabangsa, Tun Razak Exchange (TRX).

Bangunan 47 tingkat itu memiliki kira-kira 76,600 meter persegi keluasan lantai dan dibina di atas tanah seluas 0.5 hektar.

Bangunan bergred A itu terdiri daripada menara pejabat 43 tingkat di atas tempat letak kereta empat tingkat dan podium parkir bawah tanah tiga tingkat, yang menempatkan 605 lot parkir.

## Rekaan bengunan cermin imej, visi Affin Bank

Mengutamakan aspek kemampuan dalam rekaan seni bina dan M&E, bangunan itu direka dengan pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan LEED dengan kecekapan sistem tenaga, sistem tuaian air hujan, bahan binaan lestari dan ciri perancangan perkhidmatan yang cekap.

Rekaan bangunan itu juga mencerminkan imej dan visi Affin Bank itu iaitu perbankan tanpa halangan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif IJM Corporation, Datuk Soam Heng Choon, berkata penganugerahan kontrak itu adalah pengiktirafan terhadap kelayakan menggumkan kumpulan dari segi pembangunan dan pembinaan.

"Kami gembira dapat bekerja dengan pemain industri

perbankan yang lain. Kontrak ini memperkuatkkan rekod prestasi kami untuk membina projek inovatif dan ikonik di pusat bandar," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bangunan bertaraf antarabangsa itu menawarkan infrastruktur seperti dewan perbankan, pusat perniagaan dengan susun atur pejabat dengan konsep terbuka, auditorium dan kemudahan konvensyen serta akses ke stesen MRT.

## Dijangka siap 2020

Pada November tahun lalu, IJM Construction dianugerahkan kontrak substruktur bangunan di awal pakej kerja.

Bangunan berkenaan dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2020.

Selain ibu pejabat Affin Bank itu, antara projek semasa IJM Construction adalah Ibu Pejabat HSBC yang baharu dan Menara Prudential di TRX.

Termasuk projek Affin Bank, baki nilai kontrak dalam tangan IJM ketika ini adalah hampir mencecah rekod tertinggi RM9.3 bilion.



05 Sep 2018  
Berita Harian, Malaysia

Author: Nora Mahpar • Section: Bisnes • Page: 23 • Printed Size: 487.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 16,787.31  
Item ID: MY0033656974

IJM IJM CORPORATION BERHAD

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

